

14 AUG 2001

YANG DIPERTUA NEGERI PULAU PINANG LAWAT GALERIA PERDANA

LANGKAWI, 14 Ogos (Bernama) -- Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman Abbas yang kini dalam rangka lawatan rasmi ke Langkawi hari ini melawat beberapa tempat tarikan pelancong.

Beliau bersama isteri Toh Puan Majimor Shariff dibawa melawat Galeria Perdana, kompleks yang menghimpunkan lebih 3,000 cenderamata yang diterima Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali daripada pemimpin luar dan tempatan.

Abdul Rahman meluangkan masa lebih setengah jam di situ sebelum melawat kawasan tumpuan sekumpulan besar burung helang yang turun menyambar makanan di Sungai Kilim di sini.

Beliau kemudian melawat Yayasan Kebudayaan dan Muzium Ibrahim Hussein di Pantai Pasir Tengkorak.

Mereka diiringi anggota Exco Kerajaan Kedah Datuk Md Hasan Bulat, Pegawai Daerah Rasli Basir dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) Datuk Zainal Karib Abdul Rahim.

Petang semalam beliau mendengar taklimat mengenai program pembangunan Langkawi di Kompleks Lada sebelum meninjau projek perkhidmatan kereta kabel yang menghubungkan puncak Gunung Machincang setinggi 708 meter dengan stesen pangkalan di kompleks beli-belah bersepadu Oriental Village di Teluk Burau.

Esok Abdul Rahman dan rombongan dijadual melawat Makam Mahsuri dan mercu tanda pulau peranginan ini, Dataran Helang sebelum bermain golf di Gunung Raya Golf Club, puncak tertinggi di Langkawi sebelum pulang ke Pulau Pinang.

-- BERNAMA

NH NMO